

Kalendar Peristiwa-Peristiwa Penting

26 Mei & 20 November 2006

Taklimat Penganalisis

Taklimat penganalisis MNRB diadakan dua kali setahun bagi mengumumkan keputusan kewangan. Keputusan yang disampaikan oleh Encik Anuar Mohd Hassan, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Re telah mendapat sambutan hangat daripada Juruanalisis Pelaburan, Pengurus Dana dan pihak media.



26 – 27 Jun 2006

Pembaharuan Audit Pengawasan oleh SIRIM untuk MS ISO 9001:2000 Pentauliahan Sistem Pengurusan Kualiti

Audit penilaian semula dilaksanakan dari 26 Jun hingga 27 Jun. Semasa penutup mesyuarat, SIRIM telah mengesyorkan supaya pengiktirafan ISO 9001:2000 diteruskan tanpa pindaan. Ini adalah satu kejayaan besar kerana ia telah menunjukkan bahawa Malaysian Re komited dalam memenuhi permintaan yang kompleks daripada pelanggan di samping meningkatkan proses penyampaian yang berterusan.



30 Jun, 14 Oktober & 16 Disember 2006

Pembukaan Cawangan Takaful IKHLAS

Takaful IKHLAS terus mengembangkan sayapnya ke seluruh Semenanjung Malaysia dengan pembukaan tiga lagi cawangan di Kota Bharu (30 Jun 2006), Sungai Petani (14 Oktober 2006) dan Johor Bahru (16 Disember 2006). Takaful IKHLAS juga telah mendapat kelulusan daripada Bank Negara Malaysia untuk membuka lebih banyak lagi cawangan yang akan dirasmikan secara berperingkat di Sarawak, Sabah dan Putrajaya. Takaful IKHLAS berhasrat memberi perlindungan Takaful keluarga yang komprehensif dan am serta memberi penekanan mantap terhadap inovasi dan ditambah pula dengan ciri-ciri perbezaan istimewa bagi memastikan penerimaan pasaran.



26 Julai 2006

Mesyuarat Agung Tahunan ke-33

Mesyuarat Agung Tahunan ke-33 dihadiri oleh lebih daripada 250 orang termasuk pemegang saham dan wakil-wakil media. Kebanyakan pemegang saham menggunakan peluang ini bukan sahaja untuk mengemukakan soalan kepada Lembaga Pengarah tetapi juga untuk mengenali pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah dengan lebih dekat lagi.



9 Ogos & 20 Disember 2006

Seperang bersama media

Salah satu cara Kumpulan MNRB menunjukkan penghargaan kepada media atas sokongan padu yang berterusan ialah dengan mengadakan acara yang dipanggil "Seperang bersama media." Majlis makan tengah hari dengan editor kanan akhbar-akhbar dan media elektronik utama merupakan wadah terbaik bagi media untuk berkenalan dengan Kumpulan MNRB secara lebih dekat dan peribadi di samping bertukar pandangan dan buah fikiran dengan Pengurusan Kanan Kumpulan MNRB.





12 Ogos 2006

Pertandingan Golf Tahunan Malaysian Re

Pertandingan Golf Tahunan Malaysian Re edisi ke 17 telah berjaya diadakan di Impian Golf & Country Club. Objektif acara tahunan ini, adalah untuk memberi penghargaan kepada rakan perniagaan Malaysian Re dalam industri insurans dan juga para penguat kuasa. Seramai 110 pemain golf daripada industri insurans termasuk Y. Bhg. Datuk Zamani A. Ghani, Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia telah menyertai acara ini. Selain mencerikan suasana pertandingan golf ini juga dapat mengeratkan lagi keakraban sesama penggiat industri.



17 – 20 September 2006

Sidang Kemuncak Penginsurans Semula Asia ke-6, Langkawi (ARS)

Malaysian Re amat berbangga kerana diberi peluang untuk menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Penginsurans Semula Asia ke-6 yang diadakan di The Andaman, Langkawi. Seramai 31 peserta mewakili 13 syarikat ahli telah menyertai persidangan ini. Berdasarkan maklum balas yang diterima, persidangan ini telah diadakan dengan jayanya dan peserta berbangga dengan program dan aktiviti yang diatur.



17 Oktober 2006

Majlis Berbuka Puasa

Majlis Berbuka Puasa tahunan dengan industri insurans diteruskan bagi tahun ini dengan penglibatan 100 orang termasuk kakitangan Malaysian Re yang berkumpul di Auditorium Bangunan Malaysian Re. Ustaz Ali Zakaria daripada Lembaga Tabung Haji telah dijemput untuk memberi ceramah agama yang bertajuk "Mencari Cinta Illahi" kepada hadirin semasa menunggu waktu berbuka puasa.



13 November 2006

Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Kumpulan MNRB

Buat pertama kalinya, majlis 'Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri' diadakan pada peringkat kumpulan. Kesemua Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan syarikat Kumpulan berkumpul untuk melayan para tetamu yang hadir. Di samping acara yang ceria ini, Kumpulan MNRB tidak pernah lupa terhadap kanak-kanak yang kurang bernasib baik dari Majlis Kanser Nasional (MAKNA) dan anak-anak yatim dari Rumah Amal Limpahan Kasih yang turut dijemput menyertai acara ini.



13 - 15 Februari 2007

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ARS ke-6

Malaysian Re telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ARS ke-6 di Palace of the Golden Horses, Kuala Lumpur. Seramai 18 peserta mewakili 11 negara ahli (tidak termasuk Malaysian Re) telah mengambil bahagian didalam acara yang telah diadakan dengan jayanya. Antara inisiatif yang dibangkitkan semasa mesyuarat jawatankuasa adalah cadangan penubuhan sindiket Lloyd's.